



Headline: Penyelia rugi RM5,000.00 ditipu Macau Scam
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 19 January 2018

Language: Malay
Section: Dari Terengganu
Page: 39

Penyelia rugi RM5,000 ditipu Macau Scam

KUALA TERENGGANU-Seorang penyelia di sebuah pasar raya cawangan Gong Badak, Kuala Nerus, terpaksa menanggung kerugian hampir RM5,000 akibat ditipu individu menyamar anggota polis dipercayai sindiket penipuan Macau Scam,

Kejadian bermula selepas mangsa berusia 24 tahun menerima panggilan daripada seorang individu yang memperkenalkan diri sebagai pegawai sebuah bank di Kuala Lumpur ketika berada di tempat kerjanya kira-kira jam 11 pagi, Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Idris Abd Rafar berkata, individu terbabit memaklumkan lelaki itu mempunyai tunggakan bayaran bulanan pinjaman dari bank tersebut berjumlah RM3,000, tetapi dinafikan oleh mangsa.

"Mangsa menafikan dakwaan itu kerana dia tidak pernah membuat pinjaman dari bank tersebut sebelum individu itu menyambungkan



IDRIS

panggilan kepada seorang individu lain yang memperkenalkan diri sebagai anggota polis dari Ibu Pejabat Daerah (IPD) Kuantan, Pahang.

"Anggota itu kononnya memaklumkan yang mangsa dikenal pasti terlibat dengan pengubahan wang haram sebelum mengarahkan mangsa memasukkan sejumlah wang ke dalam nombor akaun bank diberikan bagi mengelak daripada dikenakan tindakan selanjutnya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Idris berkata, tergamam dengan berita itu dan bimbang dirinya dikenakan tindakan undang-undang,

mangsa terus bersetuju sebelum memasukkan wang diminta secara berperingkat kira-kira jam 4 petang, hari sama.

"Bagaimanapun mangsa hanya tersedar dirinya ditipu selepas memasukkan kesemua jumlah diarahkan sebelum membuat laporan polis untuk tindakan susulan," katanya.

Jelasnya, kes berkenaan kini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Dalam masa sama, Idris turut menasihatkan orang ramai agar jangan mudah terpedaya sekiranya dihubungi oleh individu tidak dikenali memperkenalkan diri daripada pihak Bank Negara Malaysia.

"Orang ramai diingatkan jangan mudah memberi maklumat berkaitan peribadi kita terutama nombor akaun bank sekiranya diminta oleh individu tidak dikenali termasuk yang memperkenalkan diri sebagai wakil pihak Bank Negara Malaysia," katanya.